



MODEN: Najib diiringi Presiden syarikat Angkasa Lepas dan Pertahanan Angkasawan Eropah, Christian Duhain (kiri) dan Charles Champion melawat pesawat prototaip Airbus A380 pertama yang mendarat di KLIA, semalam.

Urusan tanah lebih cepat, telus 2008

T P M yakin Projek e-Tanah berkesan apabila diperluas

Oleh Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Semua pihak akan menikmati khidmat pengurusan dan pentadbiran tanah yang lebih cekap, cepat serta telus apabila Projek e-Tanah dilaksanakan di seluruh negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, projek itu yang membabitkan 24 urusan utama pentadbiran tanah, akan dilaksanakan secara perintis di Pulau Pinang bulan ini, sebelum diperluaskan ke seluruh negara menjelang 2008.

Antara urusan pentadbiran tanah yang termasuk dalam projek itu ialah pelupusan, lesen menduduki sementara, pendaftaran hak milik permohonan pecah bahagian dan sempadan, gadaian, urusan hasil tanah serta pembahagian pusaka kecil.

"Pelaksanaannya dijangka memendek proses penyelesaian kerana pemantauan dilakukan secara 'online' dan telus," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-61 disini, semalam.

Mesyuarat lebih sejam itu dihadiri Ketua Menteri dan Menteri Besar

atau wakil masing-masing serta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Adenan Satem.

Mesyuarat Kabinet pada 19 Januari lalu, memutuskan projek e-Tanah dilaksanakan secara perintis di Pulau Pinang sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

Sebuah syarikat penyedia dan pembangun sistem, Intro Launch Sdn Bhd (Intro Launch) mendapat tender melaksanakan projek perintis itu yang membabitkan peruntukan kira-kira RM55juta.

Mengulas lanjut, Najib berkata, pemantauan terhadap urusan pentadbiran tanah akan lebih berkesan kerana ia dilakukan pada setiap peringkat, bermula daripada penerimaan di Pejabat Tanah hinggalah ke Mesyuarat Majlis Kerajaan negeri (MMK).

Setiap peringkat dipantau melalui sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang bermakna, perkembangan sesuatu permohonan dapat diketahui sama ada pegawai melakukan tugas atau tidak, atau masalah yang melambatkan kelulusan.

"Sistem yang boleh pantau perkara ini, boleh tahu 'kesesakan' dengan lebih jelas," katanya yang berharap

tempoh masa urusan berkaitan pentadbiran tanah dapat dipendekkan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, meskipun pelaksanaan projek itu di seluruh negara pada 2008, mesyuarat MTN semalam memutuskan beberapa aspek tertentu boleh dilakukan lebih awal.

Katanya, beberapa negeri yang sudah melaksanakan sistem masing-masing dan terbukti berjaya meningkatkan pengurusan tanah:

"Oleh itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan melakukan penyelarasan dengan kerjasama kerajaan negeri bagi meningkatkan penggunaan ICT supaya menyokong pentadbiran tanah yang lebih cekap," katanya.

Najib berkata, Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan pada Mac 2004 di Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, menunjukkan pencapaian menyelesaikan empat bidang urusan tanah yang tertunggak sehingga 31 Disember 2003.

Katanya, kerajaan akan terus meningkatkan pencapaian dengan memperkukuhkan pasukan berkenaan melalui penambahan 600 perjawatan pegawai dan kakitangan seperti diumumkan dalam Bajet 2006.

